Pesaka Nuri (M) Sdn Bhd lwn Profen Sdn Bhd

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — RAYUAN SIVIL NO MT2–12–321 TAHUN 2002

SURIYADI H

23 NOVEMBER 2004

Keterangan — Inferens bertentangan — Kegagalan memanggil saksi material — Saksi yang terlibat dalam perjanjian sewaan yang menjadi isu dalam tindakan tidak dipanggil memberi keterangan — sama ada inferens bertentangan harus dibangkitkan — Akta Keterangan 1950s 114(g)

Kontrak — Perjanjian lisan — Sama ada perjanjian lisan wujud — Niat pihak-pihak untuk mewujudkan hubungan undang-undang yang mengikat

Syarikat responden dan syarikat perayu adalah syarikat pengeluar komponen kereta. Sekitar bulan Julai 1996, talian untuk pengeluaran komponen kereta disyarikat perayu telah rosak dan perayu telah menyewa dan menggunakan peralatan serta operator pengeluaran di syarikat responden sementara menunggu peralatan perayu dibaiki. Perjanjian sewaan tersebut telah dibuat secara lisan kerana kesuntukan masa. Perbincangan telah dibuat di antara wakil perayu (En Nizam) dengan wakil responden (En Jamalul Khair (SP1)). En Nizam telah bersetuju dengan kadar sewaan yang telah ditetapkan oleh responden dan responden melalui SP1 telah mengeluarkan sebut harga (eks P1). Setelah penyewaan tersebut selesai responden telah mengeluarkan invois (eks P2) untuk sejumlah RM33,895 yang kemudiannya dikurangkan kepada RM31,000 selepas potongan atas permintaan perayu. Walaupun En Nizam telah bersetuju dan berjanji untuk menjelaskan jumlah tersebut, tetapi perayu telah gagal untuk menjelaskan hutang tersebut. Responden telah mengambil tindakan undang-undang untuk menuntut jumlah penyewaan itu. Di dalam tindakan ini, perayu telah mengakui liabiliti dan perbicaraan adalah untuk kuantum sahaja. Hakim mahkamah sesyen telah membenarkan tuntutan responden. Perayu merayu terhadap keputusan ini. Perayu berhujah bahawa perayu tidak bersetuju dengan kadar yang dikenakan kerana ianya adalah melampau dan sepatutnya perlu mengikut harga pasaran dan amalan biasa.

Diputuskan, menolak rayuan perayu dengan kos:

(1) Pihak perayu telah gagal untuk menyangkal kesemua keterangan SP1 dan ekshibit yang telah dikemukakan oleh responden (lihat perenggan 3). Tiada bukti yang dikemukakan untuk menyatakan bahawa perayu sejak dari awal penyewaan tidak bersetuju dengan kadar yang dikenakan. Ini hanyalah dakwaan kosong oleh pihak perayu kerana dakwaan ini tidak disokong oleh mana-mana bukti. Malah responden telah memaklumkan kepada perayu melalui SP1 bahawa kadar sewaan yang dikenakan bukan mengikut harga pasaran (lihat perenggan 4).

(2) Mahkamah juga mendapati keterangan SD1 (pengurus kewangan disyarikat perayu) adalah tidak relevan untuk tuntutan ini kerana beliau tidak terbabit langsung di dalam perjanjian sewaan itu dan tidak tahu berkenaan segala perbincangan terma atau harga yang diadakan berkaitan dengan perjanjian itu. Malah SD1 sendiri telah mengesahkan bahawa wakil perayu yang mengendalikan perjanjian itu adalah En Nizam dan En Kamarudin Abu. Namun pihak perayu telah gagal untuk memanggil saksi-saksi tersebut untuk menyangkal keterangan SP1 dan juga kesemua ekshibit yang telah dikemukakan (lihat perenggan 5).

(3) Mahkamah menggunapakai anggapan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 terhadap perayu kerana kegagalannya untuk memanggil dua saksi utama perayu iaitu wakil perayu yang mengendalikan dan mempunyai pengetahuan penuh tentang perjanjian sewaan tersebut (En Nizam dan En Kamarudin Abu) (lihat perenggan 6).

(4) Responden telah berjaya membuktikan kesnya di bawah imbangan kebarangkalian yang nyata. Responden telah berjaya membuktikan bahawa satu kontrak perjanjian penyewaan telah wujud di antara perayu dan responden walaupun ianya dibuat secara lisan dan perjanjian secara lisan ini dikukuhkan lagi dengan bukti dokumentasi. Mahkamah berpuas hati bahawa persetujuan lisan di antara En Nizam dan wakil responden sudah mencukupi untuk menunjukkan niat pihak-pihak untuk mewujudkan hubungan undang-undang yang mengikat (lihat perenggan 7); *Wong Chong Chow v Pan Malaysian Cement Works Sdn Bhd* [1980] 2 MLJ 75 diikut.

(5) Responden telah pun membuktikan kesnya dengan imbangan kebarangkalian dan beban pembuktian seterusnya beralih kepada perayu untuk menyangkal kesemua bukti yang telah dikemukakan oleh responden (lihat perenggan 11); *Johara Bi bte Abdul Kadir Marican v Lawrence Lam Kwok Fou & Anor* [1981] 1 MLJ 139; *Tan Kim Khuan v Tan Kee Kiat (M) Sdn Bhd* [1998] 1 MLJ 697 diikut.

(6) Perayu walaupun tidak bersetuju dengan tuntutan responden telah gagal untuk meyakinkan mahkamah dan mengemukakan sebarang bukti-bukti yang kukuh untuk menyangkal keterangan responden (lihat perenggan 14); *Ng Hee Thoong & Anor v Public Bank Bhd* [1995] 1 MLJ 281 diikut.

[**English summary**

The respondent and appellant companies were involved in production of car components. Around July 1996, the belt for production of car components at the appellant's factory broke down and the appellant rented and used the equipment and production operators at the respondent's company while waiting for the appellant's equipment to be repaired. The rental agreement was made orally due to shortage of time. Discussions were held between the appellant's representative (Encik Nizam) and the respondent's representative (En Jamalul

Khair (SP1)). En Nizam agreed to the rental rate fixed by the respondent and the respondent through SP1 issued a quotation (exh P1). Upon completion of the tenancy the respondent issued an invoice (exh P2) for the sum of RM33,895 which was later reduced to RM31,000 after discount upon the appellant's request. Although En Nizam had agreed and promised to pay the said sum, the appellant failed to settle the sum. The respondent then initiated legal proceedings to claim the rental sum. In the proceedings, the appellant admitted liability and the hearing was only in relation to the quantum. The sessions court judge allowed the respondent's claim. The appellant appealed against this decision. The appellant claimed that the appellant had not agreed to the rate charged as it was excessive and should actually follow the market rate and usual practice.

Held, dismissing the appellant's appeal with cost:

(1) The appellant had failed to rebut all evidence given by SP1 as well as the exhibits tendered by the respondent (see para 3). No proof was tendered to show that the appellant had since the commencement of the rental disagreed with the rate charged. This was merely a bare allegation by the appellant since the allegation was not supported by any proof whatsoever. On the contrary, the respondent had informed the appellant through SP1 that the rental rate to be charged was not in accordance with market rates (see para 4).

(2) The court also found that the evidence of SD1 (the appellant company's finance manager) was not relevant in this suit since he was not involved at all in the rental agreement and was not aware of the discussions about the terms or price which were held in relation to the said agreement. Onthe contrary, SD1 himself confirmed that the appellant's representatives who handled the agreement was En Nizam and En Kamarudin Abu. Nevertheless, the appellant had failed to call these witnesses to rebut the evidence of SP1 and all other exhibits which were tendered (see para5).

(3) The court adopted the presumption under s 114(g) of the Evidence Act 1950 against the appellant due to its failure to call two of its main witnesses, ie the appellant's representatives who handled and had full knowledge of the said rental agreement (En Nizam and En Kamarudin Abu) (seepara 6).

(4) The respondent had succeeded in proving its case on a clear balance of probabilities. The respondent had succeeded in proving that a rental agreement existed between the appellant and the respondent though it was orally made and this oral agreement was further strengthened by documentary evidence. The court was satisfied that the oral agreement between En Nizam and the respondent's representative was sufficient to show the intention of the parties to create a binding legal relationship

(see para 7); *Wong Chong Chow v Pan Malaysian Cement Works Sdn Bhd* [1980] 2 MLJ 75 followed.

(5) The respondent had proved its case on a balance of probabilities and the burden of proof therefore shifted to the appellant to rebut all evidence tendered by the respondent (see para 11); *Johara Bi bte Abdul Kadir Marican v Lawrence Lam Kwok Fou & Anor* [1981] 1 MLJ 139; *Tan Kim Khuan v Tan Kee Kiat (M) Sdn Bhd* [1998] 1 MLJ 697 followed.

(6) Although the appellant did not agree with the respondent's claim, the appellant had failed to convince the court and tender any substantial evidence whatsoever to rebut the respondent's evidence (see para 14); *Ng Hee Thoong & Anor v Public Bank Bhd* [1995] 1 MLJ 281 followed.]

Nota-Nota

Untuk kes-kes mengenai kegagalan memanggil saksi material, lihat 7 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1998 Reissue) perenggan 116–129.

Untuk kes-kes mengenai sama ada perjanjian lisan wujud, lihat 3(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2003 Reissue) perenggan 3993–3994.

Kes-kes yang dirujuk

Aloy Automotive Sdn Bhd v Perusahaan Ironfield Sdn Bhd [1986] 1 MLJ 382 (refd)
Guthrie Sdn Bhd v Trans-Malaysian Leasing Corp Bhd [1991] 1 MLJ 33 (refd)
Johara Bi bte Abdul Kadir Marican v Lawrence Lam Kwok Fou & Anor [1981] 1 MLJ 139 (folld)
Ng Hee Thoong & Anor v Public Bank Bhd [1995] 1 MLJ 281 (folld)
Overseas Investment Pte Ltd v O'Brien [1988] 3 MLJ 332 (refd)
Plenitude Holding Sdn Bhd v Tan Sri Khoo Teck Puat & Anor [1992] 2 MLJ 68 (refd)
Tan Kim Khuan v Tan Kee Kiat (M) Sdn Bhd [1998] 1 MLJ 697 (folld)
Wong Chong Chow v Pan Malaysian Cement Works Sdn Bhd [1980] 2 MLJ 75 (refd)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 s 114(g)

Rayuan dari: Saman No 52–1201 tahun 1997 (Mahkamah Sesyen, Shah Alam)

BS Tan (Keppy Wong with him) (Majid & Chen) bagi pihak perayu/defendan.
Salina Sapran (Mahyudin Zainal & Puteri) bagi pihak responden/plaintif.

Suriyadi H:

[1] Rayuan ini adalah rayuan pihak perayu defendan terhadap keseluruhan keputusan yang diberikan oleh hakim mahkamah sesyen 1 Shah Alam pada 9Julai 2002 selepas perbicaraan penuh atas kuantum kerugian.

[2] Syarikat responden/plaintif dan syarikat perayu/defendan adalah syarikat pengeluar komponen kereta bagi Proton. Tindakan ini adalah berkenaan dengan penyewaan peralatan pengeluaran komponen kereta dan juga penggunaan kawasan dan operator pengeluaran pihak responden. Sekitar bulan Julai 1996, talian untuk pengeluaran komponen kereta di syarikat perayu telah rosak dan perayu telah menyewa dan menggunakan peralatan serta penggunaan operator pengeluaran di syarikat responden sementara menunggu peralatan perayu dibaiki. Perjanjian sewaan tersebut telah dibuat secara lisan kerana keadaan dan masa adalah amat terhad dan perayu perlu mengeluarkan komponen kereta tersebut pada masa yang ditetapkan oleh Proton. Sehubungan itu, satu perbincangan telah dibuat di antara wakil perayu yang diwakili oleh En Nizam Mohamad iaitu eksekutif pengeluaran syarikat perayu dengan wakil responden yang diwakili oleh pengurus besarnya, En Jamalul Khair (SP1) dan En Nizam telah bersetuju dengan kadar sewaan yang telah ditetapkan oleh responden. Maka, hasil dari perbincangan tersebut, responden melalui SP1 telah mengeluarkan sebut harga seperti di eks P1 ms 84 rekod rayuan untuk mengesahkan kepada perayu tentang kadar penyewaan yang telah dipersetujui tersebut. Setelah penyewaan tersebut selesai iaitu selama enam hari, dan perayu telah pun mengeluarkan dan menyerahkan komponen-komponen kepada Proton, responden telah mengeluarkan invois eks P2 di ms 86 rekod rayuan. Jumlah invois ini adalah RM33,895, tetapi En Nizam Mohamad telah meminta budi bicara responden untuk mengurangkan jumlah tersebut dan responden telah bersetuju untuk memberi potongan sebanyak 10% untuk sewaan mesin dan perayu cuma perlu membayar jumlah caj sebanyak RM31,000 sahaja kepada responden, En Nizam telah bersetuju dan berjanji untuk menjelaskan jumlah tersebut, tetapi perayu telah gagal untuk menjelaskan hutang tersebut. Semasa di mahkamah sesyen, responden telah memohon satu penghakiman untuk jumlah penyewaan yang berjumlah RM31,000 berserta faedah dan kos. Didalam tindakan ini, perayu telah mengakui liabiliti dan perbicaraan adalah untuk kuantum sahaja. Setelah berpuas hati dengan keterangan saksi-saksi dari kedua-dua belah pihak. Hakim mahkamah sesyen telah membenarkan tuntutan responden ini.

[3] Setelah mahkamah meneliti keterangan pihak perayu, saya tidak dapat menerima alasan dan hujahan yang dikemukakan oleh pihak perayu. Pihak perayu telah gagal untuk menyangkal kesemua keterangan SP1 dan ekshibit yang telah dikemukakan oleh responden.

[4] Perayu berhujah bahawa pihak perayu tidak bersetuju dengan kadar yang dikenakan kerana ianya adalah melampau dan sepatutnya perlu mengikut harga pasaran dan amalan biasa tetapi telah gagal untuk mencabar eks P1 dan P2 di mana tiada bukti yang dikemukakan untuk menyatakan bahawa perayu sejak dari awal penyewaan tidak bersetuju dengan kadar yang dikenakan. Ini,sama ada semasa perayu menerima P1 atau selepas invois dikeluarkan. Inihanyalah dakwaan kosong oleh pihak perayu kerana dakwaan ini tidak

disokong oleh mana-mana bukti. Malah responden telah memaklumkan kepada perayu melalui SP1 bahawa kadar sewaan yang dikenakan bukan mengikut harga pasaran. Ini adalah kerana syarikat responden adalah syarikat pengeluar komponen kereta Proton seperti juga perayu dan bukanlah syarikat penyewaan peralatan, dan fakta ini telah diakui oleh SD1 di dalam keterangannya. SD1 merupakan pengurus kewangan di syarikat perayu, En Wong Fook Long.

[5] Mahkamah juga mendapati keterangan SD1 adalah tidak relevan untuk tuntutan ini kerana beliau tidak terbabit langsung di dalam perjanjian sewaan ini dan tidak tahu berkenaan segala perbincangan terma atau harga yang diadakan berkaitan dengan perjanjian ini. Malah SD1 sendiri telah mengesahkan bahawa wakil perayu yang mengendalikan perjanjian ini adalah En Nizam Mohamad dan En Kamarudin Abu. Namun pihak perayu telah gagal untuk memanggil saksi-saksi tersebut untuk menyangkal keterangan SP1 dan juga kesemua eksibit yang telah dikemukakan. Di dalam kes *Guthrie Sdn Bhd v Trans-Malaysian Leasing Corp Bhd* [1991] 1 MLJ 33, Mahkamah Agung telah menolak rayuan perayu/defendan di dalam kes ini. Secara ringkas saya memetik pandangan Hashim Yeop A Sani (Malaya) CJ, yang mana beliau menyatakan bahawa:

> It must be appreciated in this case that the learned trial judge had only the evidence adduced on behalf of the respondents and documents which speak for themselves. DW1 had no personal knowledge of what went on in respect of the transaction involving the two machines. It was not disputed that an important official of the appellants involved in the transactions was in fact one Bart Chew who signed the documents P1E and P2E. DW1 also stated that Mr Mah Kim, the financial controller of the appellant's company, must also sign the certificate but Mr Mah Kim was not called to give evidence. No reason were given why all these person were not called to give evidence. The learned trial judge invoked s 114(g) of the Evidence Act 1950 against the appellants and we think he was quite correct under the circumstances to do so.

[6] Saya juga turut menggunapakai anggapan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 terhadap perayu kerana kegagalannya untuk memanggil dua saksi utama perayu iaitu wakil perayu yang mengendalikan dan mempunyai pengetahuan penuh tentang perjanjian sewaan tersebut (En Nizam Mohamad dan En Kamarudin Abu). Ini disokong oleh kes *Plenitude Holding Sdn Bhd v Tan Sri Khoo Teck Puat & Anor* [1992] 2 MLJ 68. PS Gill J yang telah membenarkan permohonan plaintif, menyatakan bahawa:

> Jelas sekali tidak ada percubaan oleh plaintif sama ada untuk memegang balik atau untuk menyekat keterangan. Jadi tidak ada alasan sama sekali untuk mengambil inferens buruk terhadap plaintif di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 kerana gagal memanggil dua orang saksi yang dikatakan itu. Sebaliknya, suatu inferens buruk harus diambil terhadap defendan.... Mahkamah mendapati bahawa Sohaimi adalah orang yang tunggal yang boleh memberi gambaran pertama tentang rundingan di antara plaintif dan defendan dan orang yang tunggal yang boleh menafikan atas sumpah dakwaan yang dibuat oleh plaintif.

[7] Saya turut mendapati bahawa responden telah berjaya membuktikan kesnya di bawah imbangan kebarangkalian yang nyata. Responden telah berjaya membuktikan bahawa satu kontrak perjanjian penyewaan telah wujud di antara perayu dan responden walaupun ianya dibuat secara lisan dan perjanjian secara lisan ini dikukuhkan lagi dengan bukti dokumentasi yang dirujuk sebagai P1, P2 dan P3. Mahkamah berpuas hati bahawa persetujuan lisan diantara En Nizam dan wakil responden sudah mencukupi untuk menunjukkan niat pihak-pihak untuk mewujudkan hubungan undang-undang yang mengikat.

[8] Saya ingin menarik perhatian kepada pengamatan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Wong Chong Chow v Pan Malaysian Cement Works Sdn Bhd* [1980] 2MLJ 75, yang mana telah membenarkan rayuan perayu/plaintif, kerana mahkamah telah berpuas hati bahawa perayu telah membuktikan kesnya dibawah imbangan kebarangkalian. Dalam menyampaikan keputusannya, Chang Min Tat FJ menyatakan bahawa:

> ... In our view the appellant had discharged the burden on him which is to prove on a balance of probabilities. The burden then shift to the respondents. They could discharge this burden, again on the balance of probabilities, by oral or documentary evidence...

[9] Selanjutnya mahkamah juga telah merujuk kepada kes yang sama yang mana mahkamah di dalam kes ini memutuskan bahawa:

> (1) the appellant had discharged the burden on him to prove on balance of probabilities that the work was to be paid for on the respondents and as they had not charged this burden, the award under the head should be increased to $196,766.25.
>
> (2) the learned trial judge have accepted the documentary proof in this case as they were records ordinarily kept for a claim on a work rate basis and were shown and duly certified by a representative of the respondents.

[10] Manakala di dalam kes *Johara Bi Bte Abdul Kadir Marican v Lawrence Lam Kwok Fou & Anor* [1981] 1 MLJ 139, mahkamah ini telah memutuskan bahawa:

> In the circumstances the inference he drew could not be sustained and the appellate court must come to the view, on the question of onus of proof, that the appellant had on a balance of probabilities, discharged the onus on her, the burden then shifted to the respondents and as the respondents had not discharged the burden even on a balance of probabilities, there should be judgment for the appellants.

[11] Mahkamah berpendapat bahawa responden telah pun membuktikan kesnya dengan imbangan kebarangkalian dan beban pembuktian seterusnya beralih kepada perayu untuk menyangkal kesemua bukti yang telah dikemukakan oleh responden. Ini dikukuhkan lagi dengan prinsipal seperti di dalam kes *Tan Kim Khuan v Tan Kee Kiat (M) Sdn Bhd* [1998] 1 MLJ 697, di mana Augustine Paul JC telah menyatakan bahawa:

It is settled law that the burden of proof rests throughout the trial on the party on whom the burden lies. Where a party on whom the burden of proof lies has discharged it, then the evidential burden shifts to the other party. … No adverse inference can be drawn against that party for failure to give evidence himself. Ifdoes not adduce any evidence when the burden shifts to him, he will fail.

[12] Juga dalam kes yang sama, *Tan Kim Khuan v Tan Kee Kiat (M) Sdn Bhd*, Augustine Paul JC telah menyatakan bahawa:

If the party on whom the burden lies fails to discharge it the other party need not call any evidence.

[13] Mahkamah turut mendapati bahawa perayu hanya bergantung kepada keterangan SD1 untuk mencabar keterangan SP1 dan SD1 tidak pernah menafikan kewujudan P1 dan P2 tersebut. Merujuk kepada kes *Ng Hee Thoong & Anor v Public Bank Bhd* [1995] 1 AMR, Gopal Sri Ram JC menyatakan bahawa:

Now, it is a well settled principle governing the evaluation of affidavit evidence that where one party makes a positive assertion upon a material issue, the failure of his opponent to contradict is usually treated as an admission by him of the fact so asserted.

Sila lihat juga (*Aloy Automotive Sdn Bhd v Perusahaan Ironfield Sdn Bhd* [1986] 1 MLJ 382 dan *Overseas Investment Pte Ltd v O'Brien* [1988] 3 MLJ 332).

[14] Perayu di dalam kes ini walaupun tidak bersetuju dengan tuntutan responden telah gagal untuk meyakinkan mahkamah dan mengemukakan sebarang bukti-bukti yang kukuh untuk menyangkal keterangan responden.

[15] Berpaksikan terhadap kesemua fakta dan keterangan, berserta isu-isu perundangan yang dihuraikan di mahkamah yang mulia ini, saya menolak rayuan ini dengan kos.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Kanesh Sundrum